

GADING

majalah akademik itm,
ca wangan pahang.



Bil. 4

Jilid 1

Jul/Dis 1989

daftar isi :

1. KEARAH MEWUJUDKAN AHLI SAINS MATEMATIK ISLAM
2. UNDERSTANDING STRESS
3. VIRUS ATTACKS
4. DEFINISI WANG
5. FORECASTING AND MATERIAL REQUIREMENTS PLANNING
6. MENGESAN NITROGEN DIOKSIDA (No_2) DENGAN KEMILUMINESENS
7. FALSAFAH DAN KEKELUARGAAN ORANG TIONGHUA
8. GETTING TO KNOW THE SAS SYSTEM
9. ASPEK-ASPEK PERBEZAAN ANTARA SISTEM POLITIK ISLAM DAN DEMOKRASI BARAT: SATU TINJAUAN RINGKAS
10. ALGEBRAIC CODING TECHNIQUES FOR ERROR DETECTION IN DATA TRANSMISSION

FALSAFAH DAN KEKELUARGAAN ORANG TIONGHUA

Oleh: Cheun Heng Huat

PENGENALAN

Kesengsaraan sosial dan ekonomi di Negeri Cina telah memaksa Orang Tionghua berhijrah secara beramai-ramai ke Semenanjung Tanah Melayu mulai abad kesembilan-belas. Secara amnya Orang Tionghua di Negeri Cina terbahagi kepada dua kaum yang besar iaitu Kaum Han (1) dan Kaum Bukan Han (2) di mana keturunan Kaum Han adalah majoriti (94%) dan keturunan Kaum Bukan Han adalah minoriti (6%).

Kebanyakan Kaum Han terdiri dari kaum petani dan kaum pekerja, tetapi mereka biasanya memegang jawatan yang lebih penting dalam struktur pentadbiran kerajaan. Mereka beragama Buddha dengan campuran ideologi Confucius dan falsafah Tao.

Keturunan Kaum Bukan Han (konsep etniks) pula, mempunyai bahasa dan kebudayaan mereka masing-masing misalnya, di bahagian barat laut dan bahagian barat daya terdapat Kaum Hui yang beragama Islam dan Kaum Tibetan yang beragama Buddha.

Manakala, kebanyakan Orang Tionghua di Malaysia berasal dari Selatan Negeri Cina terutama dari wilayah-wilayah Fukien, Kwangsi dan Kwangtung. Mereka mempunyai loghat yang berlainan, tetapi bahasa tulisan adalah sama iaitu Bahasa Mandarin dan falsafah hidup mereka lebih kurang sama.

IDEOLOGI DALAM FALSAFAH ORANG TIONGHUA

Ideologi Orang Tionghua merupakan satu sistem pengawalan politik dan latar belakang kebudayaan yang penting. Ideologi tersebut amat dipengaruhi oleh Ideologi Confucius (3) dan Falsafah Tao (4) sejak zaman dahulu lagi hingga sekarang.

-
- (1) *Kaum Han : Kaum Han dianggap kaum yang tulin, iaitu kaum bumiputera di Negeri Cina, mereka mempunyai pengaruh politik yang lebih besar.*
 - (2) *Kaum Bukan Han : Penduduk Kaum Bukan Han cuma 45 juta orang di Negeri Cina. Mereka terdiri dari kaum Manchu, Mongol, Hui, Turkis, Tibetan, Sino-Tibetan, Thai dan sebagainya.*
 - (3) *Ideologi Confucius : Ajaran-ajaran daripada seorang tokoh pendidikan Confucius.*
 - (4) *Falsafah Tao : Falsafah hidup dari seorang pendidik Lao Tze. Falsafah ini mementingkan alam semulajadi.*

Ideologi Confucius telah ditetapkan oleh pemerintah (mulai Dinasti Han) untuk memperkuat kedudukan Maharaja khasnya, pegawai-pegawai kerajaan, status bapa dan suami dalam keluarga amnya, mengikut ajaran “Wulun”.

WULUN (5)

Ajaran Wulun adalah ajaran yang penting sekali dalam masyarakat Orang Tiong-hua. Ajaran ini berkenaan dengan perhubungan sosial dalam masyarakat dan mempunyai 5 rukun yang penting iaitu:

1. **Raja dengan menteri:** Seorang raja mesti sanggup menerima kata-kata menteri yang membawa faedah kepada negara. Seorang menteri pula, mesti taat setia kepada raja dan negara.
2. **Bapa dengan anak lelaki:** Seorang bapa dikehendaki bertanggungjawab terhadap anak-anaknya, manakala anak lelaki mesti taat setia dan hormat kepada bapa.
3. **Suami dengan Isteri:** Seorang suami mesti berhubung baik dengan isterinya, manakala isteri dikehendaki mengikut segala suruhan dari suaminya dan tidak boleh menentang.
4. **Abang dengan adik lelaki:** Seorang abang mesti sayang dan menjaga adiknya. Sebagai adik pula, ia mesti menghormati abangnya kerana abangnya lebih tua dan berpengalaman dalam hidup.
5. **Teman:** Setiap janji di antara teman mesti ditunaikan. Perhubungan teman dengan teman mesti jujur dan saling tolong-menolong.

Daripada 5 rukun perhubungan sosial ini, perkara 2, 3, dan 4 adalah berkaitan dengan keluarga, terutamanya perhubungan bapa dengan anak-anak di dalam sebuah keluarga perlu berpandukan kepada konsep ‘Xiao’ (6). mengikut ajaran Confucius, konsep ‘Xiao’ ini dapat memajukan kekeluargaan, meninggikan moral rakyat, seterusnya menjadikan seorang rakyat yang taat setia kepada ibu-bapa, raja dan negara.

-
- (5) *Wulun : Ajaran Confucius yang utama berkenaan dengan perhubungan manusia dengan manusia supaya wujud satu masyarakat yang sempurna.*
 - (6) *‘Xiao’ : Xiao adalah satu konsep kekeluargaan di mana anak-anak mesti hormat, taat setia kepada ibubapa, mereka mesti ikut segala suruhan, tidak boleh menentang atau cabar kepada ibubapa.*

Falsafah Tao mementingkan konsep ‘Dao’ (7) di mana konsep ini mempunyai makna yang luas. Konsep ini termasuklah:

- a. wajah alam semesta yang semulajadi.
- b. keseimbangan hidup dengan alam semulajadi.
- c. kehormonian.
- d. keperimanusiaan.
- e. jauh dari cabaran dunia yang komplek dan sebagainya.

Falsafah Tao juga telah digambarkan dalam seni-seni lukisan dan kesusasteraan Orang Tionghua (terutama puisi-puisi kelasik dan novel-novel) yang menunjukkan wajah alam semulajadi dan keharmonian hidup.

Di Negeri Cina, penduduknya yang sebilangan besar terdiri daripada kaum petani, telah mengamalkan falsafah Tao dan Ideologi Confucius dari satu dinasti ke satu dinasti. Falsafah Tao mementingkan alam semulajadi dan Ideologi Confucius pula, mengutamakan perhubungan sosial. Nilai hidup ini dalam konteks sistem kekeluargaan, kebudayaan dan agama juga telah diwarisi oleh Orang Tionghua di Asia Tenggara hingga sekarang walaupun terdapat sebahagian daripada unsur-unsur ini telah diubah-suai.

BENTUK KELUARGA

Keluarga Orang Tionghua secara amnya boleh dibahagikan kepada 4 jenis yang penting iaitu keluarga asas, keluarga tonggak, keluarga luas dan keluarga bergabung.

Simbol-simbol Kekeluargaan (Kinship)




Lelaki



perempuan

(7) ‘*Dao*’ : *Dao* adalah satu konsep hidup dengan alam semulajadi, menjauahkan nafsu manusia. Mengikut ajaran Lao Tze, *Dao* adalah peringkat hidup yang tinggi dan suci.



perkahwinan




lelaki yang meninggal dunia



perempuan yang meninggal dunia.


1. Keluarga Asas (Nuclear Family)

Ibubapa tinggal dengan anak-anak (termasuk anak angkat) yang belum berkahwin.




2. Keluarga Tonggak (Stem Family)

Sesorang anak yang berumah-tangga dan mereka tinggal bersama-sama dengan ibubapa.




3. Keluarga Luas (Extended Family)

Lebih seorang anak yang berumah-tangga dan mereka tinggal bersama-sama dengan ibubapa.



4. Keluarga Bergabung (Joint Family)

Ibubapa telah meninggal dunia dan anak-anak yang berumah-tangga tinggal bersama-sama. Biasanya, anak sulung atau anak yang tertua dipilih sebagai ketua keluarga.



Mengikut tradisi Orang Tionghua, keluarga yang ideal sekali ialah Keluarga Luas kerana falsafah Orang Tionghua mementingkan perhubungan ibubapa dengan anak-anak. Bapa sebagai ketua keluarga, anak-anak lelaki sebagai pembantu keluarga dan mereka bersama-sama menguruskan harta-benda yang diperolehi hasil dari tanah untuk membiayai keluarga.

Bentuk keluarga Orang Tionghua di Malaysia biasanya terdiri daripada Keluarga Asas dan Keluarga Tonggak. Jika terdapat melebihi seorang anak lelaki yang telah berumah-tangga, ibubapa akan tinggal bersama dengan seorang anak lelaki yang telah berumah-tangga (biasanya anak sulung) dan anak-anak yang belum kahwin, manakala anak-anak lelaki lain yang telah berumah-tangga pula, akan berpindah ke rumah lain.

PERHUBUNGAN INDIVIDU DALAM KELUARGA

Mengikut ajaran Confucius, perhubungan individu dalam keluarga berpandu dengan prinsip-prinsip yang berikut:

- a. Generasi
- b. umur dan
- c. jantina

Jadi, generasi yang lebih awal seperti datuk, nenek dan ibubapa dianggap lebih berkuasa. Generasi yang lebih muda mesti menghormati generasi lebih dewasa dengan mengikut konsep ‘Xiao’.

Bagi umur pula, Orang Tionghua berpendapat bahawa yang muda mesti menghormati yang tua, ini bermakna orang muda tidak boleh mencabar orang tua. Misalnya, adik lelaki mesti hormat-menghormati abangnya.

Bagi jantina pula, Orang Tionghua pada zaman tradisional menghina kaum wanita. Kedudukan kaum wanita amatlah rendah dan mereka tidak dibenarkan berpelajaran tinggi. Peranan wanita cuma sebagai tukang masak, penjaga anak dan melayan suaminya.

Di Malaysia dan Singapura, konsep Xiao dan prinsip-prinsip generasi, umur dan jantina masih dipegang teguh oleh Orang Tionghua. Jadi individu yang bermoral tinggi dalam keluarga mesti mengutamakan konsep Xiao, dan juga menghormati datuk, nenek, ibubapa dan generasi yang lebih tua. Melalui pendidikan, kedudukan wanita pula telah berubah. Peranan wanita di masyarakat Orang Tionghua menjadi penting dengan pendidikan tinggi, kedudukan wanita boleh dikatakan setaraf dengan lelaki pada masa sekarang.

PERKAHWINAN

Orang Tionghua mementingkan pertambahan ahli keluarga. Setiap individu mesti berkahwin dan melahirkan anak terutama anak lelaki untuk menyembah nenek-moyang supaya nama keluarga (surname) tidak terputus. Jika seorang dewasa mati sebelum kahwin, upacara kematian merupakan upacara untuk budak sahaja dan tidak boleh diadakan di Balai Neneh Moyang. Maka, perkahwinan ini amatlah penting bagi seorang individu untuk menaikkan tarafnya sebagai seorang dewasa yang sah.

Sifat-sifat tradisional bagi perkahwinan Orang Tionghua boleh dianggap seperti berikut:

- a. Sifat nisbah bapa.
- b. Eksogamy: Sesuatu keluarga mesti berkahwin dengan keluarga lain untuk memajukan perkaitan dengan suku kaum lain.
- c. Sistem poligami, dan seorang lelaki boleh mempunyai beberapa orang gundik.
- d. Seorang janda perempuan boleh kahwin semula tetapi tidak boleh kahwin dengan orang dari suku kaum suaminya.
- e. Perkahwinan biasa di antara kampung dengan kampung tetapi dari zuriat (lineage) yang berlainan.
- f. Perkahwinan di antara sepupu silang (cross cousins) biasa digalakkan.
- g. Perhubungan seks sebelum kahwin dilarangkan.

KEMATIAN

Mengikut Ideologi Confucius, upacara kematian Orang Tionghua amatlah penting. Semua anak-anak lelaki atau pun perempuan yang telah kahwin atau belum kahwin mesti pulang secepat mungkin selepas ibu atau bapa mereka mati. Mayat biasanya disimpan dalam peti di Balai Nenek Moyang beberapa hari atau beberapa bulan, tujuannya untuk menunjukkan kasih sayang kepada ibubapa..

Mengikut adat, anak-anak mesti menunjukkan kesedihannya dengan cara-cara seperti menangis dengan kuat, memakai baju yang kasar berwarna hitam dan berkabung yang ditetapkan oleh sistem ‘Wufu’ (8).

Wufu (Mourning Grade)

Lima peringkat memakai baju berkabung menurut sistem Wufu adalah seperti berikut:

Peringkat	Baju Berkabung	Jangkamasa Berkabung
1	Baju rami yang kasar tiada kelim, serban rami, terompah kasar dan tongkat berkabung	27 bulan
2 (a)	Baju rami yang kasar, serban rami, terompah rami, tongkat berkabung.	1 tahun
(b)	seperti 2 (a) tetapi tiada tongkat berkabung.	1 tahun
(c)	seperti 2 (b)	5 bulan
(d)	seperti 2 (b)	3 bulan
3	Baju rami yang kasar	9 bulan
4	Baju rami kurang kasar.	5 bulan
5	Baju rami yang halus seperti sutera.	3 bulan

(8) ‘Wufu’ : Mengikut ajaran Confucius, Wufu ialah satu sistem berkabung bermakna 5 peringkat memakai baju berkabung. Ia memberi peraturan mengenai perhubungan di antara saudara-mara yang dekat dan hak-hak, tanggungjawab pada anak-anak.

Sistem ‘Wufu’ ini penting kepada Orang Tionghua, di mana ia menunjukkan hak-hak setiap anak menerima atau mewarisi harta benda bapanya, malahan kedudukan setiap individu dalam zuriat boleh ditetapkan melalui sistem ini.

Sistem ‘Wufu’ ini telah di lanjutkan Orang Tionghua di Malaysia, tetapi sistem ini telah diringkaskan dan diubahsuai. Misalnya, masa untuk menyimpan mayat di peti cuma 3 atau 5 hari sahaja. Jangkamasa berkabung telah diringkaskan kepada 100 hari atau pun 3 tahun sahaja. Upacara kematian bagi Orang Tionghua di Malaysia masih dikekalkan, tetapi upacara ini telah diringkaskan dan dipermodenkan. Walau bagaimana pun, anak-anak simati mesti menunjukkan kesedihannya dan memakai baju rami atau baju kasar berwarna hitam di hadapan orang.

ORGANISASI ZURIAT (LINEAGE)

Falsafah Orang Tionghua jelas mementingkan perhubungan individu dengan keluarga. Daripada beberapa buah keluarga yang besar yang mempunyai keturunan yang sama akan membentuk satu organisasi sosial, iaitu Zuriat. Dengan perkataan lain, Zuriat merupakan satu suku kaum di mana anggota-anggotanya bersaudara-mara dan mempunyai nama keluarga yang sama. Dalam kekeluargaan Orang Tionghua, sistem zuriat merupakan sistem politik dan organisasi tempatan yang penting. Secara amnya, sistem zuriat boleh dibahagikan kepada 3 jenis:

1. **Zuriat Tempatan:** Zuriat yang berada di satu tempat yang tertentu, anggota-anggota zuriat tinggal di satu kampung yang sama atau beberapa kampung yang berdekatan.
2. **Zuriat Bertabur:** Zuriat ini bukan berpusat pada satu kampung dan anggota-anggotanya berada dalam kampung yang berlainan.
3. **Zuriat Bergabung:** Biasanya dua atau lebih yang mempunyai keturunan yang sama bergabung satu antara lain menjadi satu zuriat yang besar.

PERANAN ZURIAT

1. Menguruskan Balai Nenek Moyang dan mengadakan penyembahan nenek moyang: Balai Nenek Moyang merupakan harta yang penting sekali bagi setiap zuriat. Upacara penyembahan nenek moyang diadakan dalam Balai Nenek Moyang pada tiap-tiap musim bunga atau musim gugur. Upacara ini merupakan upacara rasmi, biasanya di ketuai oleh pemimpin-pemimpin zuriat, dan mereka dapat menentukan struktur kuasa dan status yang sah.

2. Menguruskan harta benda zuriat terutama tanah: Hasil atau pendapatan dari harta benda zuriat biasanya memberi perkhidmatan kebajikan. Pendapatan ini digunakan untuk membantu anggota-anggota dalam zuriat yang masih belajar agar mendapat sarjana, membaiki Balai Nenek Moyang, menjaga perkuburan dan juga membantu orang miskin.
3. Fungsi judicial: Perkara-perkara yang boleh dibicarakan oleh pemimpin-pemimpin zuriat termasuk tindakan yang kurang hormat kepada orang tua, rompakan, pergaduhan, pelacuran dan berjenis-jenis jenayah kecil. Biasanya, perselisihan di antara anggota-anggota zuriat diselesaikan oleh ketua-ketua zuriat.

Selain daripada fungsi-fungsi yang tersebut di atas, selalunya zuriat menolong kerajaan memungut cukai, menjaga keamanan tempatan dan membekal tenaga buruh kepada kerajaan pusat. Jadi, organisasi zuriat telah meringankan pentadiran kerajaan pusat, dan ia dianggap satu kerajaan tempatan yang berkesan.

PENUTUP

Jika hendak memahami kebudayaan Orang Tionghua, adalah penting untuk kita mengetahui Ideologi Confucius dan Falsafah Tao. Agama Buddha bersama-sama dengan Ideologi Confucius dan Falsafah Tao mempunyai pengaruh yang besar untuk mengujudkan satu kebudayaan yang unik bagi Orang Tionghua di Asia Tenggara.

Kebudayaan Orang Tionghua di Malaysia boleh dikatakan satu lanjutan kebudayaan Orang Tionghua di Negeri Cina. Tetapi, kebanyakannya telah diubahsuai dan dipermodenkan mengikut keadaan tempatan contohnya dari segi kehidupan, kepercayaan, kekeluargaan dan upacara perkahwinan dan kematian Orang Tionghua di Malaysia dewasa ini.

Sistem zuriat telah dihapuskan di Malaysia. Tetapi, sistem persatuan-persatuan Orang Tionghua mengikut suku kaum atau keturunan nama keluarga telah mengambil tempat sistem zuriat. Persatuan-persatuan ini biasanya memainkan peranan kebajikan sahaja, di mana pemimpin-pemimpinnya terdiri daripada peniaga-peniaga atau pun orang-orang kaya.

Perhubungan ibubapa, anak-anak dan adik-beradik dalam keluarga Orang Tionghua di Malaysia masih dipentingkan. Konsep ‘Xiao’ masih digalakkkan. Ketua keluarga, iaitu ibubapa mempunyai tanggungjawab yang berat bukan sahaja menjaga anak-anak mereka, tetapi juga memberi pendidikan. Sebagai anak-anak pula, mereka dikehendaki menghormati ibubapanya, dan perhubungan baik di antara adik-beradik sangat dihargai. Satu perkara yang penting pada masa sekarang ialah anak lelaki dan anak perempuan mempunyai taraf yang sama.

BIBILOGRAFI

1. Huge D.R. Baker, "Chinese Family and Kinship", A Wheaton & Co, Ltd, Great Britain 1979.
2. Victor Purcell, "The Chinese in Malaya", Oxford University Press, 1967.
3. Lee Kiao Dong, "Keluarga Orang Tionghua" People Publicer, China, 1986.
4. Wu Teh Yao, "Roots of Chinese Culture", Federal Publication.
5. C.S. Wong, "An Illustrated Cycle of Chinese Festivities in Malaysia & Singapore", Malaysia Publishing House Ltd.
6. The Strait Time Bilingual Collection Vol: 1, Federal Publications.
7. Freeman, Maurice, "Chinese Lineage and Society", London, 1966.
8. Akhbar : Nanyang Siang Pau Malaysia.